

Headline	Kem tentera, PGA dijadikan pusat pemindahan berpusat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	1,21
ArticleSize	595 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh Irwan
PR Value	RM 60,201		



Headline	Kem tentera, PGA dijadikan pusat pemindahan berpusat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	1,21
ArticleSize	595 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh Irwan
PR Value	RM 60,201		

# Kem tentera, PGA dijadikan pusat pemindahan berpusat

» *Tampung mangsa banjir jika keadaan kian meruncing*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Mohd Iskandar Ibrahim  
■ Kuantan

**K**erajaan Pahang akan menjadikan kem tentera dan Pasukan Gerakan Am (PGA) di negeri itu sebagai pusat pemindahan mangsa banjir berikutan pusat sedia ada terutama sekolah, tidak dapat menampung jumlah mangsa yang meningkat secara mendadak.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata dua lokasi terbabit akan dijadikan pusat pemindahan berpusat jika keadaan banjir semakin meruncing bagi membolehkan pemantauan lebih terperinci terhadap keperluan mangsa dapat dilaksanakan.

“Keadaan ini menyebabkan berlaku pelbagai masalah berbangkit, terutama keperluan asas

termasuk makanan sehingga ada mangsa yang terpaksa berlapar.

“Saya sudah maklum pada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan mencadangkan supaya kem tentera dan PGA digunakan sebagai pusat pemindahan berpusat dan beliau bersetuju dengan cadangan ini,” katanya ketika ditemui selepas melawat beberapa pusat pemindahan banjir, di sini, semalam.

Masalah gangguan bekalan elektrik, air dan telefon di kebanyakan kawasan terjejas banjir di Kuantan beransur pulih sejak jam 3 petang semalam.

Walaupun ada beberapa lagi kawasan yang terjejas teruk masih mengalami masalah berkenaan, syarikat utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia (TM) dan Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) giat berusaha memulihkan bekalan masing-masing.

## Cadang pindah 3,000 mangsa ke PPR

Di **Mersing**, kerajaan Johor bercadang memindahkan lebih 3,000 orang membabitkan 500 keluarga yang terjejas teruk akibat banjir di daerah ini ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang akan dibina dalam tempoh lima tahun akan datang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Abdul Latif Bandi, berkata kerajaan negeri menerusi jawatankuasa perumahan khas sudah mengenal pasti beberapa lokasi untuk pembinaan PPR terbabit.

Katanya, antara lokasi akan dijadikan penempatan baru itu ter-

masuk di Batu 6 Tenglu, Kampung Sri Pantai, Jalan Ariffin serta Semaloi yang terletak berhampiran bandar dan Endau.

Headline	Kem tentera, PGA dijadikan pusat pemindahan berpusat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	1,21
ArticleSize	595 cm <sup>2</sup>	Journalist	Oleh Irwan
PR Value	RM 60,201		



**Keadaan banjir di Bukit Setongkol, Kuantan** yang dirakamkan melalui udara. Gambar kecil, sebahagian mangsa bercahayakan lilin selepas bekalan elektrik terputus di pusat pemindahan banjir SMK Gudang Rasau. [FOTO SAIRIEN NAFIS/BH]